

BAB DUA

PENGERTIAN MENURUT PANDANGAN ISLAM

BAB KEDUA

Perceraian Menurut Pandangan Islam

1.1 Definisi Perceraian

Perceraian adalah satu istilah yang biasa digunakan di dalam masyarakat Malaysia untuk menunjukkan maksud perpisahan atau perceraian dan mengikut Kamus Dewan 'cerai' bererti pisah atau sarak, tidak lagi sebagai suami isteri atau disebut juga talāq.

Ianya bukan sahaja digunakan bagi maksud perpisahan bagi suami dan isteri tetapi juga digunakan bagi maksud yang lain seperti istilah 'cerai susu' yang bermaksud menghentikan penyusuan dengan susu ibu.

Setelah mengetahui penggunaan perkataan perceraian menurut istilah masyarakat Malaysia dengan merujuk kepada Kamus Dewan, kita akan melihat pula pandangan Islam terhadap perceraian dan erti perceraian itu sendiri.

Perceraian berasal dari perkataan cerai dan mengikut bahasa Arab ia dari kata terbitan **نَفْرَةٌ** و **نَفَرَ** bererti perpisahan.

Apabila dikaitkan dengan perhubungan suami isteri ia bermakna suami isteri yang tinggal berjauhan kerana wujud sebab-sebab

perceraihan seperti suami menghilangkan diri tanpa diketahui tempatnya dan iaanya membawa kepada terputusnya ikatan perkahwinan.

Di segi istilah syara^o ia bermaksud terputusnya hubungan perkahwinan antara suami dan isteri dengan sebab yang dibolehkan oleh syara^o.²

Di dalam kajian ini, penggunaan perkataan perceraihan kadang-kadang diganti dengan perkataan talāq kerana maksud yang sama walaupun talāq adalah termasuk di dalam salah satu dari jenis perceraihan di dalam Islam.

2.2 Dalil-dalil Yang Mengharuskan Perceraian

Walaupun perceraian adalah sesuatu yang dibenci oleh Allah s.w.t. tetapi ia adalah diperlukan bagi memenuhi sifat semulajadi manusia itu sendiri kerana Allah lebih mengetahui bahawa sesuatu perkahwinan yang tidak boleh mendatangkan kebahagiaan kepada satu-satu pasangan itu akan hanya mendatangkan keburukan dan kemudaratkan kepada pihak-pihak yang terlibat.

Justeru itu Syari^oat Islam telah mengharuskan talāq dengan dalil-dalil dari ayat-ayat al-Qur'an, hadis^o dan ijma^o.

1. Ayat Al-Qur'an⁴

بَتَّابِعُ الْنِّيَّ إِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَلْنُقْوِنْ لِعَدَّهِنْ .

Ertinya: Wahai Nabi! Apabila kamu -(engkau dan umatmu) - hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan Iddatnya.

Ayat ini adalah sebagai pembuka kepada surat al-Talaq sebagai bukti bahawa talaq itu diharuskan tetapi dengan syarat-syarat yang mestilah dipatuhi.

FirmanNya lagi:⁵

الْطَّلاقُ مِنْ نَانِ فَلَامَاكُ عَمَرُوفٌ أَوْ سَرِيعٌ بِالْحَسْنِ

Ertinya: Talaq(yang boleh diruju⁶ kembali itu hanyalah) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (ruju⁶ dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik.

FirmanNya lagi:⁶

بَتَّابِعُ الْذِينَ كَامِنُوا إِذَا نَكْحُمُ الْمُؤْتَمِتْ
فَمُ طَلَقْنُونْ مِنْ قَبِيلِ أَنْ تَمْسُوْنَ لَكَ لَكَ عَذَابٌ مِنْ
عَذَابٍ تَعْذَلُونَهَا فَمُتَعَزِّزُونْ وَسِرْجُونْ سَرَاحًا جَمِيلًا

Ertinya: "Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, keaudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhnya, maka tiadalah kamu berbaq terhadap mereka mengenai sebarang iddat yang kamu boleh hitungkan masanya. Oleh itu, berilah mut'at (pemberian saguhati) kepada mereka, dan lepaskanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya."

2. Hadis?

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّهُ طَلَقَ لِرَأْيِهِ وَمَنْ حَانَتْ حِلْ مَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَسَأَلَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ ذَلِكَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَنْ هُنْدَرَ أَجْهَمَهَا، نَمْ لَبَثَكَمَا حَقَّ نَطْبُرُهُ نَمْ غَيْضَنْ ثُمَّ نَطْبُرُهُ»، نَمْ إِنْ شَاءَ أَنْتَ تَنْذَدَ ذَلِكَ، وَإِنْ شَاءَ طَلَقَ تَبْلَئَ أَنْ بَعْسَ نَطْبُرَتِ الْمَدْنَةِ الْمُكَرَّبَةِ أَسْرَ افْ سَبْحَانَهُ أَنْ نَطْبُرَنَّ لَمَّا النَّسَاءَ»

Ertinya: Dari Ibu Umar bahawa dia telah menceraikan isterinya ketika haid, di saman Rasulullah s.a.w. Lalu Sayyidina Umar telah bertanyakan hal ini kepada Rasulullah s.a.w. Maka Rasulullah s.a.w. menjawab: "Suruhlah dia meruju nya kemudian (dikekal sebagai isteri) sehingga dia suci, kemudian dia haid, dan kemudian suci lagi. Kemudian jika dia mahu dia boleh mengekalkannya sebagai isteri sesudah itu dan jika dia mahu dia boleh menceraiagnya sebelum menostuhinya. Itulah iddat yang diperintahkan oleh Allah untuk dia menceraiakan isteri-isterinya.

P. insyiat / 1.4.1.2 ?

Sabda Rasulullah s.a.w. di dalam hadisnya yang lain;⁸

«أَبْتَغَنَ الْمُلَاقَ إِلَى اللَّهِ مِنْ وَجْهِ الظَّلَاقِ»

Ertinya: Perkara halal yang paling dibenci oleh Allah ialah talāq.

Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majat.

Sabdanya lagi;⁹

«مَا أَحَلَ اللَّهُ بِنَبَّأَ أَبْتَغَنَ إِلَيْهِ مِنَ الظَّلَاقِ»

Ertinya: Tidak ada satu perkara yang dihalalkan oleh Allah yang paling dibenci melainkan talāq.

Diriwayatkan oleh Abu Daud secara Mursal.

3. Ijma'

Kesemua para 'ulama' dan umat Islam bersepakat mengatakan tentang keharusan perceraian walaupun ia satu yang tidak disukai.¹⁰

Oleh kerana itu Islam telah menetapkan bahawa sebelum sesuatu perceraian itu terjadi ia menetapkan empat tahap yang harus dilalui: nasihat, memisahkan dari tempat tidur, memukul yang tidak menyakiti dan tahkim (penyelesaian melalui pihak ketiga).

Firman Allah:¹¹

وَالَّتِي تُخَافُونَ نَسْرَهُنَّ نَعْلَمُهُنَّ وَأَمْبَرُهُنَّ فِي التَّضَابِعِ
وَأَسْرِبُهُنَّ فَإِنْ أَطْهَكُمْ فَلَا تَبْغُرُ أَطْهِنْ سَبِيلًا
إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْهَا حَبِيرًا ﴿٦١﴾

Ertinya: Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derbaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka ta'at kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.

FirmanNya lagi mengenai hakam:¹²

وَإِنْ يُخْفِتُمْ شَقَاقَ بَيْنَهُمَا إِنَّمَا يَعْذِرُ أَهْلَهُمْ وَحْكَمُ
مِنْ أَهْلِهِمَا إِنْ يُرِيدَا أَصْلَحَمَا يُوقِّنَ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْهِ أَغْبِرًا ﴿٦٢﴾

Ertinya: Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpaktat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuanNya.

Hukum-hukum Perceraian

Menurut al-Utsaz ^oAbdul Rahman Taj¹³, beliau menyatakan
bahawa hukum-hukum perceraian itu adalah berdasarkan kepada sebab-
sebab yang berbeza-beza kerana tanpa sebab yang munasabah talāq
itu lah menyakiti kaum wanita dan ianya ditegah oleh syara^o.

1. Harus

Di dalam keadaan ini suami mempunyai pilihan sama
ada untuk maceeraikan isterinya atau tidak. Ia akan ber-
laku apabila suami tidak lagi menyukai isterinya bukan
disebabkan akhlagnya yang buruk, pergaulan dan agamanya.

2. Sunat

Apabila isteri berakhlaq buruk dan suka menyakiti
suami dan jiraninya dengan perkataan dan pertumbutannya.
Termasuk juga isteri yang menculaikan haq-haq Allah dan
tidak berubah setelah dinasihati.¹⁴

3. Wajib

Jika suami mempunyai keaiban yang tidak direndai
oleh isteri yang boleh menghilangkan ai^omat perkahwinan.
Juga kelakuan isteri yang jabat dan perbalahan yang tidak
boleh diselesaikan lagi.

4. Makruh¹⁵

Talaq yang berlaku tanpa sebab dan berlaku kepada isteri yang baik dan jujur.

5. Haram

Talaq Bid'i (perceraiian semasa isteri sedang haid atau semasa suami yang telah disetubuh) dan talaq yang berlaku tanpa ada keperluan yang boleh membatangkan komidaratan kepada kedua suami isteri.¹⁶

Ini adalah berdasarkan kepada sabda Rasulullah ﷺ
 لا ضرر ولا ضرار - حديث حسن
 رواه ابن ماجة والدارقطني
 s.a.w.¹⁷

Artinya: Tidak ada komidaratan dan tidak boleh berbuat komidaratan.

Diriwayatkan oleh Ibnu Majat dan Dar-al-Qutni.

..1 Hikmat Perceraian

Agama Islam mengharuskan perceraian dalam keadaan tertentu yang sukar untuk dikenalkan perintahinan kerana beberapa sebab tertentu. Antara hikmatnya ialah:

Menperbaiki perzangai masing-masing setelah menyedari kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan yang sesungguhnya kedua-duanya semula dan ini dapat mengelakkan sebarang penipuan untuk menghalau perhubungan kembali.¹⁸

Perceraian juga disyari'atkan apabila telah hilang perasaan kasih sayang antara kedua-dua suami isteri yang menghilangkan tujuan aktual sesuatu perintahinan itu¹⁹ apabila ianya akan hanya membawa penganiayaan dan kesaliman kepada kedua-dua pihak.

Selain dari itu terdapat juga para isteri yang mendapat suami yang tidak 'kufu' dan tidak boleh bergaul secara dengan keluarga isteri atau terlalu keras sehingga menyebabkan isteri menaruh minat pada lelaki lain sehingga boleh membawa kepada kesungkuhan yang cukup besar jika perceraian itu diharuskan.²⁰

Ia juga sebagai satu jalan yang paling mulia yang telah ditunjukkan oleh Islam bagi mengatur sesuatu rumah tangga dan katu-

man agar tidak timbul apa yang dikatakan 'gantung tidak bertali' yang dilakukan oleh para suami yang tidak menyenangi isterinya

21
61.

Walaupun begitu talaq hanya diperlukan apabila ia memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Jika tidak perceraiannya itu akan memberikan matijah yang baik dan bukan juga sebagai hal yang memberi pencerar sebaliknya menjadi bempedu yang amat ganit yang memastikan penerusannya hidup sebagai suami isteri.²²

Kesimpulannya perceraiannya adalah merupakan jalan terakhir yang dilakukan setelah berbagai cara dibuat untuk menyelamatkan sebuah rumah tangga itu dan ianya memberi harapan kepada kedua-dua pihak untuk memikir kembali kesalahan masing-masing bagi dijadikan panduan untuk membina kehidupan baru yang lebih damai dan amanagia menurut firman Allah:²³

وَإِنْ بَدَرْ قَاتَنْ أَنَّهُ كُلَّمِنْ سَيْنَهُ وَكَنْ أَهُ وَسَعَتْ كَبَيَا ④

Ertinya: Dan jika seduanya bercerai, maka Allah akan mencukupkan (keperluan) masing-masing dari limpah kurniawinya. Dan ingatlah Allah Maha Luas limpah kurniawinya, lagi Maha Bijaksana.

Jenis-jenis Perceraian Di Dalam Islam

Perpisahan atau perceraian di antara sepasang suami isteri masih berlaku dengan berbagai cara dan secara umumnya boleh dibahagikan kepada tiga jenis perceraian.

1. Perceraian sebagai haq suami

Contohnya talāq yang menjadi haq mutlaq suami.

2. Perceraian sebagai haq isteri melalui qādī.

Contohnya fasakh, talaq ta'liq dan khul'.

3. Perceraian yang tidak memerlukan kepada qādī sebaliknya

hukum syariah sendiri yang mewajibkan perceraian.

Contohnya seperti fasakh disebabkan suami atau isteri surat d atau keengganan salah satu pihak di dalam kesuatu perkahwinan itu untuk masuk Islam sedangkan sebelah pihak lagi telah menoluk agama Islam. Termasuk juga di dalam bahagian ini li'an, zihar dan Fla'.²⁴

4.1 Talāq

Pengertian talāq boleh dibahagikan kepada dua iaitu di segi masa dan di segi syariah.

Di segi bahasa ia diambil dari kata terbitan **تَلَاقٌ** iaitu meninggalkan seperti dikatakan selepaskan dan **نَفَرَ** iaitu meninggalkan seperti dikata-

: "Aku telah meninggalkan tawanan itu". Ini bererti tawanan itu ditinggalkan apabila ikutannya dilepaskan dan dibebaskan.²⁵

Ia juga bermakna melepaskan ikatan sama ada ikatan secara بُسْتَنْ seperti melepaskan ikatan binatang yang ditancau secara maknawi (عُسْرَى) seperti melepaskan 'isnat عُصْمَة) secara عُنُونٍ.²⁶

Menurut "istilah ayara" pula talāq bermakna merungkaikan

pernikahan dan mematahkan hubungan suami isteri dan juga makna melepaskan aqad pernikahan.²⁷

Oleh itu talāq boleh disimpulkan sebagai melepaskan atau bongkar aqad pernikahan dengan lafadz talāq dan seumpamanya.

Rukun-rukun talāq yang perlu ada bagi menentukan sahnya

talāq itu seperti berikut:²⁸

1. Suami atau qādī dalam kes tuntutan cerai oleh isteri.

2. Sighat atau ucapan.

3. Isteri

4. Kekuasaan atas isteri

5. Niat (dalam keadaan sedang mengajar atau bercerita).

Selain dari itu maka jatuh talāq sama ada dengan niat

atau tidak. Ini adalah berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.²⁹

وَنَّاٰتْ جِدْعُنْ جِدْ وَمَرْلَنْ جِدْ: فَكَلَحْ وَالْلَّاقْ وَارْجَنْهَهْ

Ertinya: Tiga perkara jika betul-betul ia akan menjadi betul dan jika main-main ia akan tetap menjadi (berlaku) iaitu nikah, talaq dan ruju.

Talaq secara umum boleh dibahagikan kepada dua iaitu talaq

yang menggunakan sighat sarih (jelas) dan sighat secara kinayat (tidak jelas).

1. Sighat Sarih

Lafaz yang tidak mengandungi makna yang lain selain talaq dan ia berlaku tanpa memerlukan niat. Lafaz-lafaz yang mengikut mashab Syafi'i hanya tiga iaitu talaq, firqa (فراف) dan misra' (مسارع). Ketiga-tiga lafaz ini ada disebutkan dalam al-Qur'an. Firman Allah:³⁰

الْأَطْلَقُ مِنْ نَارٍ فَإِنَّكَ مَعْرُوفٌ أَوْ تُرِيجٌ بِإِحْسَنٍ

Ertinya: Talaq (yang boleh diruju) kembali itu hanya dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (ruju) dan menegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (meaceraiannya) dengan cara yang baik.

FirmanNya lagi:³¹

وَإِنْ يَتَفَرَّقَا بَيْنَ أَنَّهُ كُلَّا مِنْ سَعْيِهِ وَكَانَ اللَّهُ وَبِسْمِهِ يَكْبِرُ

Ertinya: "Dan jika keduanya bercerai, maka Allah akan mencukupkan (keperluan) manusia dengan limpah kurniawinya. Dan (ingatlah) Allah Maha Luas limpah kurniawinya lagi Maha Bijaksana".

Firmannya lagi:³²

يَنْهَا النَّبِيُّ قُلْ لَا زَوْجَكَ إِنْ كُنْتُ رِزْقَ الْمُتَّسِرَّةِ أَدْبِرْ
وَزِينَهَا تَعَالَى إِنْ تَعْكُنْ وَاسْرِحْكَنْ سَرَاحَ جِهَلَةَ ③

Maknudnya: "Wahai Nabi, katakanlah kepada istriku: Sekiranya kamu sesua mahu kehidupan dunia(yang seowah) dan perhiasannya(yang indah), maka marilah supaya aku berikan kepada kamu pemberian set(at(caguhati)) dan aku lepaskan kamu dengan cara yang sebaik-baiknya".

Firmannya lagi:³³

يَنْهَى النَّبِيُّ إِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَلَا يَقُولُنَّ لِعَذَّابِهِنَّ

Maknudnya: "Wahai Nabi! Apabila kamu-(engkau dan istrimu)- hendak menceraikan isteri-isterimu maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan iddatnya".

شرح ^{تَسْرِيح} Di dalam ayat-ayat di atas Allah menggunakan lafadz

طَلَقْتُمْ اسْرِحْكُنْ . بِسْرِحْ

Selain diwajibkan dengan lisan lafas talāq juga boleh dilakukan dengan cara tulisan atau isyarat³⁴ dengan ditujukan kepada wanita.³⁵

2. Sighat Kināyat (sindiran)

Lafaz-lafaz yang mengandungi makna talāq dan makna yang lain dan disyaratkan dengan niat.³⁶

Ianya adalah berdasarkan kepada ^oAisyat r.a. mengikut riwayat Imām Bukhārī, Ibn Mājāt dan Nasā'i.³⁷

— (وَعَنْ حَالَةِ ابْنَتِ الْجُنُونِ أَدْعَيْتَ مَلِرَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَتْ فِيهِنَّ أَعْوَذُ بِاللَّهِ مِنْكُمْ لَئِنَّكُمْ لَيَقْرَأُنَّ بِعَظِيمٍ لِتَقْرَأُنَّ بِأَمْلِكٍ رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَأَهْنَ مَاجِهَ وَكَشِفَ

Bertinya: Dan Dari ^oAisyat r.a. bahawa anak perempuan al-Jun ketika masuk (menemui) Rasulullah s.a.w. dan ketika baginda menghampirinya dia berkata: "Akur-horitndang dengan Allah darimu". Maka baginda ber-sabda kepadanya: "Sesungguhnya engkau telah berlindung dengan yang Maha Besar,(maka) kembalilah kamu kepada keluargamu.

Menurut al-Imām al-Syawkhānī lafadz الختي باهلك adalah kināyat dan ia dipersetujui oleh Imam Syafi^oi.

Talāq juga boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian dan melihat kepada beberapa sudut tertentu.

1. Talāq Raj^oI dan Talāq Bāin

Ditakrifkan dengan melihat sama ada talāq yang dijatuhkan itu boleh rujuk atau tidak.

2. Talāq Sunnī dan Talāq Bid^oI

Talāq yang dilakukan berdasarkan kepada keadaan isteri semasa ditalāq.

Talāq Raj^oI

Talāq satu dan dua yang dibolehkan rujuk semula tanpa aqad bari. Oleh kerana itu suami tidak dihalang untuk berseronok-seronok dengan isterinya selagi dalam masa iddat kerana talāq tersebut menghapuskan aqad perkahwinan dan kedua-duanya boleh sevari antara satu sama lain apabila pihak yang satu lagi meninggal. Justeri itu isteri wajib diberi nafkah yang berupa tempat tinggal, makanan dan pakaian atas sifatnya sebagai seorang isteri.

Balilnya firman Allah yang berbunyi:⁴⁰

لَا يُخْرِجُهُنَّ مِنْ بُيُونِهِنَّ وَلَا يُخْرِجُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحْشَةٍ مُبَيِّنَةٍ
وَنَكْ حُدُودُ اللَّهِ وَمَنْ يَعْصِي حُدُودَ اللَّهِ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ
لَا تَبْرِئَ لَعْلَ اللَّهُ بِحِدْثٍ بَعْدَ ذَلِكَ أَمْرًا ①

Maksudnya: "Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah kediamannya (sehingga selesai iddatnya), dan janganlah pula (dibenarkan) mereka keluar (dari situ) kecuali (jika) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan itulah aturan-aturan hukum Allah (maka janganlah kamu melanggarinya); dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah maka sesungguhnya ia telah berlaku salim kepada dirinya. (Patuhilah hukum-hukum itu, kerana) engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan sesudah itu sesuatu peskara yang lain."

Talāq Bāin

Menurut al-Imām Abu Zahrat⁴¹ talāq Bāin berlaku di dalam

keadaan:

1. Sebelum persetubuhan kerana isteri tidak ber^ciddat dan dalam keadaan ini tidak mungkin untuk ruju^c. Firman Allah⁴²

بَتَّابِهَا أَذْبَنَ هَامَنُوا إِذَا نَكْحَمُ الْمُزِمَّتِ ثُمَّ طَلَقْتُمُوهُ
 مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ فَإِنَّ كُلَّ عَلَيْنَ مِنْ هَذِهِ تَعْتَدُونَهَا

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhnya, maka tiadalah kamu berhaq terhadap sebarang iddat yang kamu boleh hitungkan masanya."

2. Apabila talāq itu berlaku dengan penyerahan harta oleh isteri sebagai oaguran untuk suami menceraiannya. Firman Allah:⁴³

فَإِنْ خَنِمَ الْأَبْنَىٰ حُدُودَ اللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهَا فِيمَا

أَفْتَدَتْ⁴⁴

Ertinya: "Oleh itu kalau kamu khuatir tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah,maka tidaklah mereka berdosa mengenai bayaran(tebus talāq) yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya(dan mengenai pengambilan suami akan bayaran itu)."

3. Apabila talāq itu adalah kali yang ketiga dan ini dinamakan Bāin Kubrā. Firman Allah selepas menyebut dua talāq:⁴⁴

فَإِنْ طَلَقَهَا فَلَا تَحْلِلْ لَهُ مِنْ بَعْدِ خَنِفَ تَسْكِعَ زَوْجًا غَيْرَهُ

Maksudnya: "Sesudah(diceraikan dua kali) itu, jika diceraikan pula(bagi kali ketiga) maka perempuan itu tidak halal bagiaya sesudah itu,sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain.

Disyaratkan bagi suami yang telah menceraikan isterinya dengan talāq tiga untuk ruju^c semula hendaklah setelah isterinya berkahwin dengan lelaki lain,bersetubuh dan kemudian bercerai dan mengakhiri ^ciddatnya.

4. Talāq secara fasakh (tuntutan cerai)

Percerian disebabkan suami mempunyai ^caib,dipenjara, ghaib dan mendatangkan kemudarat kepada isteri lahir dan batin.

Talāq Sunni

Talāq yang dilakukan mengikut apa yang telah ditunjukkan

Rasulullah s.a.w. iaitu perceraian terhadap isteri yang telah

diseduh dengan talāq satu semasa suci yang tidak disetubuhi.⁴⁵

berdasarkan kepada firman Allah:⁴⁶

الطلق من تان فلماك عروف او تسرع باختىن

Ertinya: "Talaq(yang boleh diruju kembaki itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (ruju dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan(menceraikannya) dengan cara yang baik.

Mengikut al-Ustaz Abdul Rahman Taj, talāq Sunni terbahagi

sepada dua bahagian:

a. Ahsan(lebih baik)

Perceraihan dengan talāq satu dalam masa isteri suci

dan tidak mengandung dan tidak dalam masa haid yang telah disetubuhi sebelumnya.

b. Hasan(baik)

Perceraihan tiga kali talāq dalam masa tiga quru'

tanpa rruju.⁴⁷

4. Talāq Bid'i

Talāq terhadap isteri yang telah disetubuhi yang mungkin

hamil atau yang tidak mungkin hamil semasa dalam keadaan haid atau

semasa suci yang telah disetubuhi.⁴⁸

Para 'ulama' sepakat mengatakan bahawa talāq Bid'i adalah haram dan pelakunya berdosa⁴⁹ kerana ia bertentangan dengan talāq yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w. dan merupakan satu bid'at.

Hadanya:⁵⁰ **فَإِنْ كُلَّ بَذَعَةٍ ضَلَالٌ هُوَ رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالترمذِيُّ**

Maknudnya: Maka sesungguhnya tiap-tiap bid'at (perkara-perkara baru yang diada-adakan mengenai agama) itu adalah sesat.

Diriwayatkan oleh Abu Daud dan al-Tarmizi.

Hadanya lagi:⁵¹

مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ زَاغٌ

Maknudnya: Barangsiapa beramal dengan satu pekerjaan yang tiada termasuk dalam urusan kami, maka ia tertolak.

Diriwayatkan oleh Muslim.

Walau bagaimanapun para 'ulama' terbahagi kepada dua golongan mengenai hukum talāq Bid'i.⁵²

1. Jumhur

Jatuh talāq walaupun satu bid'at. Alasannya ia termasuk di dalam ayat-ayat yang umum dan perbuatan Ibn 'Umar yang mentalāq isterinya ketika sedang haid dan suruhan Rasulullah agar merujuknya menunjukkan talāq itu dikira.

Rasulullah agar merujuknya menunjukkan talāq itu dikira. 2. Ibn 'Aliyat, Ibn Taimiyyat, Ibn Hasm, Ibn Qayyim, 'Abdullah ibn 'Umar, Sa'id bin Musayyab dan Tawūs sahabat Ibn 'Abbas.

Tidak jatuh talāq kerana ia tidak termasuk di dalam

ayat-ayat yang umum disebabkan ia bukan talaq yang diizinkan oleh Allah. Ini diperkuatkan dengan dalil-dalil dari al-Qur'an dan al-Hadith.

Firman Allah⁵³

نَطْلُقُهُنَّ لِعِدَّتٍ

Ertinya: "Maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan iddatnya".

Sabda Rasulullah s.a.w. ⁵⁴

وَمِنْهُ فَلْيَرْجِعْنَا

Maknauanya: "Suruhlah dia supaya ruju^c kepada isterinya."

Hadir ini menunjukkan bahawa baginda sedang marah ketika disampaikan berita itu sedangkan baginda tidak akan marah jika perkara itu dihalalkan oleh Allah.

Di sini penulis lebih menyetujui pendapat Jumhur kerana ia adalah sebagai langkah berjaga-jaga agar agama Islam tidak dipermainkan. Ia juga sebagai amaran agar suami tidak sewenang-wenang menjatuhkan talaq pada isteri tanpa memikirkan risiko yang akan dihadapi oleh isteri.

ayat-ayat yang umum disebabkan ia bukan talāq yang diisikan oleh Allah. Ini diperkuatkan dengan dalil-dalil dari al-Qur'an dan al-Hadith.

Firman Allah⁵³

فَلَا فِرْمَنْ لِمَنْ هُنْ

ertiaya: "Maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan iddatnya".

Sabda Rasulullah s.a.v. ⁵⁴

دُسْرُهُ فَلَمْ يَأْتِنَا

Maksudnya: "Suruhlah dia supaya ruju^c kepada isterinya."

Hadir ini menunjukkan bahawa baginda sedang marah ketika disampaikan berita itu sedangkan baginda tidak akan marah jika perkara itu dihalalkan oleh Allah.

Di sini penulis lebih menyertuji pendapat Jumhur kerana ia adalah sebagai langkah berjaga-jaga agar agama Islam tidak dipermainkan. Ia juga sebagai amaran agar suami tidak sewenang-wenang menjatuhkan talāq pada isteri tanpa memikirkan risiko yang bakal dihadapi oleh isteri.

3.2 Fasakh

Selain haq suami untuk menceraikan isterinya, isteri juga punya haq untuk menuntut perceraian dari suaminya jika ada sebab yang dibenarkan oleh syara'. Salah satu cara yang boleh dilakukan oleh isteri ialah dengan menuntut fasakh melalui qadi.

Di segi bahasa fasakh bermaksud membatalkan (*النقض*). Di segi istilah pula ia bermaksud merungkaikan ikatan 'aqad atau membatalkannya.⁵⁵ Ia diputuskan oleh qadi dengan syarat-syarat dan sebab-sebab tertentu.⁵⁶

Di antara keadaan-keadaan yang membolehkan qadi menceraikan suami dengan permintaan isteri adalah seperti berikut:⁵⁷

a. Tidak memberi nafkah

Di dalam keadaan ini isteri boleh membantutuntutan nafkah suami ada suaminya itu ada atau dipenjara atau hilang. Jika suami enggan untuk memberi nafkah qadi boleh memberi tempoh tertentu. Jika masih lagi enggan qadi boleh menceraikannya. Sebaliknya jika suami masih isteri boleh diceraikan tanpa tempoh tertentu.

Di dalam keadaan ini suami tidak boleh ruju^o semula melainkan dengan 'aqad yang baru mengikut mazhab Syafi'i dan Hanbali.

Imam Malik pula berpendapat boleh ruju^o tanpa 'aqad baru tetapi Imam Hanafi menafikan berlaku fasakh dan talāq dalam hal ini.⁵⁸

. °Aib

Di dalam Islam ada tiga jenis °aib yang boleh membawa kepada pembubaran perkahwinan.

a) °Aib pada suami

Seperti al-jub(الجب) iaitu terputus anggota seksual dan °unnat(العنة) iaitu lemah tenaga batin.

Di dalam keadaan ini isteri diberi pilihan untuk bersama suaminya atau tidak. Jika ia menilih untuk berpisah dengan suaminya beliau boleh menuntut fasakh dari qādi.

b) °Aib pada isteri

Seperti ratq(un) (رتف) iaitu tertutup alat seksual dengan sebab ada daging dan qarn(un) (قرن) iaitu tertutup dengan tulang yang menghalang dari melakukan hubungan jenais.

c) °Aib pada kedua-dua suami isteri

Seperti gila,sopak,kusta dan penyakit-penyakit lain yang menyebabkan salah satu pihak menjauhkan diri.

Kesimpulannya saugikut pendapat Jumhur apa sahaja ke°aiban ada alat seksual kedua-dua suami isteri yang menghalang berlaku persehubungan dan penyakit-penyakit merbahaya yang berjangkit harus bagi kedua-duanya untuk menilih meneruskan perkahwinan atau fasakh atau talāq(bagi suami).

1. Komudaratan

Ia berlaku dengan perkataan seperti celaan yang menyakitkan dan perbuatan seperti pukulan yang menyebabkan kecederaan yang serius. Di dalam keadaan ini Imam Malik mengharuskan isteri untuk menghadapi tuntutan fasakh di mahkamah tetapi Jumhur 'Ulama' tidak mengharuskan tuntutan fasakh dalam perkara ini kerana ia boleh diselesaikan di luar seperti dengan perintah berkelakuan baik dan diketahui ta'zir jika enggan. Qadi sekali-kali tidak boleh menceraikan dua-duanya kecuali dengan izin dari mereka.

2. Suami ghairi

Menurut Imam Malik ghairi itu sama ada setahun atau lebih. Ahmad pula berpendapat jika pemergiannya itu dengan sebab menghilang atau berniaga tuntutan cerai tidak boleh dibuat kecuali hilang tanpa sebab. Dalam keadaan surat dapat disampaikan suami kala Jumhur pula berpendapat perkara ini tidak boleh dibawa ke mahkamah walaupun berlaku komudaratan kerana tidak ada nas lebih lagi halq talaq adalah di tangan suami.

3. Suami dipenjara

Di antara syarat-syarat yang mestilah dipenuhi sebelum perceraian diluluskan dengan sebab di atas ialah:

- a) Suami dipenjara 3 tahun atau lebih
- b) Hukuman itu sudah muktamad
- c) Hukuman itu sudah berjalan sekurang-kurangnya 1 tahun.

Selain dari sebab-sebab di atas fasakh juga boleh berlaku

seperti sebab-sebab yang lain. Antaranya:

- 1. Agad Fasid (rosak atau batal)

Apabila selepas ⁰aqad didapati bahawa wanita itu bukan wanita yang sama semasa ⁰aqad atau apabila diketahui suami isteri itu adalah saudara sesama.

- 2. Kurang mahar isteri dari mahar misil

Apabila disedari oleh wanita yang cukup keahlian dan tidak direndai oleh walinya.

- 3. Pilihah oleh orang yang telah baligh dan orang yang telah sibat dari gila.

Kesemua fasakh di atas berlaku dengan sebab kecacatan pada ayah. Fasakh juga boleh berlaku selepas ⁰aqad dengan sebab-sebab berikut:

- 1. Salah seorang dari suami isteri itu murtad.

2. Perbuatan sumbang suami atau isteri dengan mereka yang haram disebabkan perkahwinannya iaitu bapa mertua, datuk dan selanjutnya

disebut dalam bahasa ⁰Arab sebagai Asl(un) dan dengan anak,

sepupu dan selanjutnya yang disebut dalam bahasa ⁰Arab sebagai Far(un).

3. Keengganan salah seorang dari keduanya untuk masuk Islam selepas

nibak lagi memeluk Islam.⁵⁹

- a) Suami dipenjara 3 tahun atau lebih
- b) Hukuman itu sudah muktamad
- c) Hukuman itu sudah berjalan sekurang-kurangnya 1 tahun.

Selain dari sebab-sebab di atas fasakh juga boleh berlaku dengan sebab-sebab yang lain. Antaranya:

Aqad Fasid (rosak atau batal)

Apabila selepas °aqad didapati bahawa wanita itu bukan wanita yang sama semasa °aqad atau apabila diketahui suami isteri itu adalah saudara secuster.

Kurang mahar isteri dari mahar nisil

Apabila disedari oleh wanita yang cukup keahlian dan tidak direndai oleh walinya.

Pilihan oleh orang yang telah baligh dan orang yang telah sihat dari gila.

Kesemua fasakh di atas berlaku dengan sebab kecacatan pada aqad. Fasakh juga boleh berlaku selepas °aqad dengan sebab-sebab berikut:

- 1. Salah seorang dari suami isteri itu murtad.
- 2. Perbuatan sumbang suami atau isteri dengan mereka yang haram disebabkan perkahwinannya iaitu bapa mertua, datuk dan selanjutnya yang disebut dalam bahasa °Arab sebagai Asl(un) dan dengan anak, yang ian selanjutnya yang disebut dalam bahasa °Arab sebagai Far(un).
- 3. Keengganan salah seorang dari keduanya untuk masuk Islam selepas satu pihak lagi memeluk Islam.⁵⁹

Apabila fasakh berlaku dengan sebab-sebab di atas suami boleh ruju⁶⁰ kecuali dengan "aqad yang baru dan dihukum sebagai Bain Sughrā". Kesemua ini ditetapkan oleh Islam untuk menjaga amanat kedua-dua pihak dan juga keturunan mereka.

Adalah matu lagi cara isteri untuk menuntut cerai dari suami dengan khul⁶¹ atau tebus talāq.

Menegi bahasa khul⁶² bermakna cabut, tanggal, hilang dan hapus. Isteri menanggalkan baju. Apabila dikaitkan dengan perkahwinan ialah menghapuskan perkahwinan dengan isterinya melalui perintah isteri dengan memberikan gantian kepada suami.

Mungkin di segi istilah syara' ia bermakna menghilangkan makna pernikahan yang sah dengan lafadz khul⁶³ atau maknanya menerima gantirugi yang dipersetujui dari pihak isteri. Gantirugi ialah apa sahaja yang sah dijadikan sebagai mahar.

Dalam keadaan ini hukumnya adalah Bain Sughrā dan suami tidak membali kepada isteri kecuali dengan "aqad yang baru".

Pada asasnya khul⁶⁴ adalah makruh sebagaimana juga talāq tetapi disunnatkan apabila isteri mempunyai pergaulan yang buruk

⁶² suami. Ia bertujuan untuk menolak kemudarat dari wanita apabila perkahwinan itu tidak dapat memenuhi maksud dan tujuannya.⁶³

Dalam melafazkan khul^c ia memerlukan kepada niat jika ia melafaz kinayah seperti suami melafazkan kepada isterinya "Bersahkan nikah dengan engkau sebanyak seribu ringgit" atau "Engkau dengan harga seribu ringgit". Isteri tidaklah perlu melafaz tebus talaq itu dengan segera dan boleh diselangi beberapa perkataan.⁶⁴

Keharusan khul^c boleh didapati di dalam ayat al-Qur'an, dan ijma^c.

al-Qur'an⁶⁵

وَإِنَّمَا الْأَنْسَاءَ مَصْدَقَتِينْ بَخْلَةً فَإِنْ طَبِعَ لَكُنْ عَنْ شَيْءٍ وَمِنْهُ تَنْفَذُ

مَبْتَغَاهُ مُرِبْغَانٌ

Artinya: "Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin-maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu maskahwinnya maka makanlah(gunakanlah) pemberian(yang halal) itu sebagai ni mat yang lazat, lagi baik kesudahannya.

فَهَذِهِ خُتْمٌ إِلَّا يُبَيَّنَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا

أَفْنَدْتُمْ

nya: "Oleh itu kalau kamu khawatir tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah , maka tidaklah mereka berdosa-mengenai bayaran (tebus talāq) yang diberikan oleh isteri untuk menobus dirinya (dan mengenai pengambilan suami akan bayaran itu)."

١ - (عن ابن عباس قال: جاءت امرأة ثابت بنت قيس من ملة رسول الله صلى الله عليه وسلم وستلم بنيات : يا رسول الله إني ما
عُلِّمْتُ في خلق ولا دين ، ولكتئي أكثرة الكفر في الإسلام ، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم : ائْرُدْنِينْ عَلَيْكَ حَدِيفَةً ؟ قالت : نعم .
لَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَسَلَّمَ : اتَّبِعْ الْخَدِيفَةَ وَسَلِّمْ
نَظِيلَتَهُ ، رَوَاهُ البُخَارِيُّ التَّسَافِيُّ) :

nya: "Dari Ibn Abbas dia meriwayatkan bahawa telah datang isteri Thabit bin Qais bin Syams kepada Rasulullah s.a.w. sambil berkata: "Ya Rasulullah saya tidak mencela akhlaq dan agamanya tetapi saya tidak ingin mengingkari ajaran Islam. Maka jawab Rasulullah s.a.w. "Mahukah kamu mengembalikan kebunnya? Jawabnya: "Mahu" Maka Rasulullah s.a.w. bermabda: "Terimalah wahai Thabit kebun itu dan talqalah dia satu kali".

Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Nasa'i.

. ijma'

Para 'ulama' salaf dan khalaf mengatakan bahawa khul^o ini diharuskan dan disyari'atkan oleh Islam.

talāq Ta^cliq

Selain dari fasakh dan khul^o seorang isteri juga boleh memperbaiki perceraiannya dengan cara talāq ta^cliq.

Talāq ta^cliq ini bermaksud percerai yang akan berlaku segera apabila syarat-syarat dari kata-kata suami terlaksana. Kebiasaannya dilakukan selepas suami menikahi isterinya.

Di antara contoh-contoh ta^cliq ialah:

"Jika engkau keluar dari rumah ini tanpa izinku engkau tertalaq".⁶⁸

dan

"Kamu akan tercerai dalam bulan Jun".⁶⁹

Menurut al-Ustaz Mahmud Syaltut jika suami melafazkan kata-

tersebut dengan tujuan untuk menakut-nakutkan isterinya dan

beranggannya dari keluar rumah sedangkan dia tidak bermaksud untuk

melalaq isterinya, talāq tidak akan jatuh. Jika sebaliknya maka

akan tercerai jika dia melakukan perkara tersebut.⁷⁰

Walaupun talāq ta^cliq ini tidak dijelaskan di dalam al-Qur'an

dianjurkan oleh Islam kerana ia merupakan islah demi ke-

harum ummah. Oleh itu jika istari lupa atau tidak faham apa

maknudkan oleh suami maka tidak jatuh talāq.⁷¹

Zihār

Dari segi bahasa zihār adalah kata terbitan dari zahr(un) yang

bererti apa yang berada di sebalik perut iaitu di sebelah belakang

ia bermakna lawan tersembunyi. Apabila dikaitkan dengan iste-

rinya makna yang sama (belakang isteri). Contohnya seorang

lelaki berkata kepada isterinya: "Engkau kepadaku seperti belakang

".

Dari segi syara^c ia bermaksud penyerupaan yang dilakukan oleh

lelaki kepada isterinya dengan seorang wanita atau anggota-

keluarga haram dinikahi dengan sebab keturunan atau susuan atau

pernikahan.

Oleh itu apabila seorang lelaki berkata demikian terhadap

isterinya maka isteri tersebut menjadi haram dengannya dalam erti-

nya dia bukan lagi isterinya dan bukan juga wanita yang telah dice-

reka untuk membolehkannya kahwin lagi.

Talaq seperti ini telah diharamkan setelah kedatangan Islam turunnya firman Allah yang berbunyi:⁷²

لَذِينَ يُظْهِرُونَ مِنْكُمْ مِنْ نِسَاءِهِمْ مَا هُنَّ أَمْهَلُهُمْ
إِنَّ أَمْهَلُهُمْ إِلَّا الْتَّعْزِيزُ وَلَدَنْهُمْ وَإِنَّهُمْ لَيَقُولُونَ مُنْكَرًا
مِنَ الْقَوْلِ وَزُورًا وَإِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ غَفُورٌ ﴿١﴾

Permaksud: "Orang-orang yang "zihār"kan isterinya dari kalangan kamu'(adalah orang-orang yang bersalah,kerana) isteri-isteri mereka bukanlah ibu-ibu mereka. Ibu-ibu mereka tidak lain hanyalah perempuan-perempuan yang melahirkan mereka. Dan sesungguhnya mereka(dengan melakukan demikian) memperkatakan sesuatu perkara yang mungkar dan dusta. Dan (ingatlah),sesungguhnya Allah Maha Pema af, lagi Maha Pengampun".

Apabila zihār berlaku dan suami tidak melafazkan talaq ,
tapi suami isteri itu bersetubuh sebelum suami membayar
sumbah sama ada dengan memerdekaan seorang hamba atau
dua bulan berturut-turut atau memberi makan setiap 60
niskin satu mud(cupak) makanan ruji sesuatu tempat atau
nilai makanan tersebut .

Dalilnya firman Allah yang berbunyi:⁷³

وَالَّذِينَ بُظْهِرُونَ مِنْ نِسَاءِهِمْ لَا يَعْرُدُونَ لَمَا قَالُوا فَتَحْرِيرُ رَبْرَبَةِ
مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَّ ذَلِكُمْ تُوعَظُونَ بِهِ

"Dan orang-orang yang "zihar"kan isterinya, kemudian mereka berbalik dari apa yang mereka ucapkan(bahawa isterinya itu haram kepadanya),maka hendaklah(suami itu) memerde-kakan seorang hamba sebelum mereka berdua (suami isteri) bercampur. Dengan hukuman yang demikian kamu diberi pengajaran(supaya jangan mendekati perkara yang mungkar itu)".

Di dalam keadaan ini isteri berhaq meminta suami untuk hidup sebagai suami isteri dan qādī boleh memaksanya untuk membayar dan hidup semula sebagai suami isteri kerana perceraian lagi berlaku.⁷⁴

Ila'
Ila' adalah sejenis perceraian yang masyhur semasa jahiliyyat
dan dilarang setelah kedatangan Islam kerana ia menyakiti wanita.

Di segi bahasa ia adalah kata terbitan dari āla(اَلْأَلَى) yūlī
(برهان) bererti sumpah. Di segi syara' ia bererti sumpah seorang
yang sah talāqnya untuk tidak menyetubuhinya isterinya selama-

atau selama 4 bulan ke atas.⁷⁵

Sumpah tersebut sama ada dengan nama Allah atau sifatnya

dengan apa yang memastikannya untuk berbuat sesuatu.⁷⁶

misalnya: "Demi Allah aku tidak akan menyetubuhimu" atau "Demi

Al-Rahman aku tidak akan menyetubuhimu" atau "Jika aku menyetubu-

hi wajib aku sembahyang".

Di dalam al-Qur'an perceraian dengan cara Ila' ada disebut-

dalam surat al-Baqarat:⁷⁷

لَذِينَ يُرْلُوْنَ مِنْ نِسَائِهِمْ رَبْعَةٌ
أَشْهُرٌ فَإِنْ قَاتَلُوكُمْ فَلَاَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Bermaksud: "Kepada orang-orang yang bersumpah
tidak akan menyetubuhi isteri-
isteri mereka, diberikan tempoh 4
bulan. Setelah itu jika mereka
kembali (mencampurnya), maka se-
sungguhnya Allah Maha Pengampun
lagi Maha Penyayang."

Islam memberikan tempoh 4 bulan untuk meredakan kemarahan

dan menyelesaikan perkara yang kusut. Kerana kebiasaan

yang sedang marah boleh melafazkan sumpah seperti itu. Jika

menarik balik sumpahnya dia akan dimaafkan jika sebaliknya

hendaklah menceraikan isterinya. Ini adalah berdasarkan firman

Al-Lah:⁷⁸

وَإِنْ عَزَّزْنَا الظَّلَّةَ فَإِنَّ اللَّهَ تَبْيَغُ عَلَيْمٌ

Bererti: "Dan jika mereka berazam hendak menjatuhkan talāq (menceraikan isterinya) maka sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Setengah 'ulama'- 'ulama' fiqh menyatakan jatuh talāq dengan sunys 4 bulan dan tidak boleh ruju^c lagi. Manakala sebahagian mengatakan qādī boleh memaksanya sama ada menarik balik sum atau menceraikan isterinya⁷⁹ dengan tuntutan yang dibuat oleh . Jika suami enggan qādī boleh menjatuhkan talāq (sebagai .⁸⁰ Walau bagaimanapun jika dia ruju^c dia hendaklah mem-⁸¹ kifarat sumpah sebagaimana kifarat zihār.

Li^can

Li^can adalah sebagai cara perceraian yang terakhir di dalam yang akan dipaparkan di dalam bab ini.

Li^can diambil dari perkataan la^cana (لعن) bermakna mengutuk anab. ⁸² Manakala menurut Sayyid Sabiq ia bermakna suami menjadikan isteri yang bermula^canat kerana selepasnya kedua-dua mereka untuk selama-lamanya dan jika salah seorang dari mereka ber-⁸³ maka ia akan dila^cnat oleh Allah.

Di segi syara^c ia bermaksud empat persaksian yang dikuatkan sumpah yang mengatakan bahawa pihak suami adalah benar dan

lānat Allah ke atasnya jika tuduhannya itu dusta. Pihak suaminya akan menafikan tuduhan suaminya sebanyak empat kali. Sementara akan komurkaan Allah ke atas dirinya jika suaminya itu

Perceraiannya secara li'an ini ada disebutkan di dalam al-Qur'an

Sirman Allah: 85

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ ازْوَاجَهُمْ وَلَا يَكُنْ لَّهُ شَهَادَةً إِلَّا
أَنفُسُهُمْ فَشَهَدَتْ أَحَدُهُمْ أَرْبَعُ شَهَدَاتٍ بِأَنَّهُ لَمْ
الصَّدِيقَينَ ① وَالْخَمِسَةَ أَنْ لَعْنَتَ اللَّهُ عَلَيْهِ إِنْ كَانَ
مِنَ الْكَاذِبِينَ ② وَبَدَرَوا عَنْهَا الْعَذَابَ أَنْ تَشَهَّدَ
أَرْبَعُ شَهَدَاتٍ بِأَنَّهُ لَمْ يَكُنْ الْكَاذِبِينَ ③ وَالْخَمِسَةَ
أَنْ غَضَبَ اللَّهُ عَلَيْهِ إِنْ كَانَ مِنَ الصَّدِيقِينَ ④

Ertinya: "Dan orang-orang yang menuduh isterinya berzina, sedangkan mereka tidak ada saksi-saksi (yang mengesahkan tuduhannya itu) hanya dirinya sendiri, maka persaksian (yang sah pada syara') bagi seseorang yang menuduh itu hendaklah dia bersumpah dengan nama Allah, empat kali, bahawa seungguhnya dia dari orang-orang yang

benar:-Dan sumpah yang kelima(hendaklah dia berkata):Bahaha la'nat Allah akan menimpa dirinya jika ia dari orang-orang yang berdusta. Dan bagi menghindarkan hukuman sekta dari isteri(yang kena tuduh)itu hendaklah ia bermusyah dengan nama Allah,empat kali,bahaha suaminya (yang menuduh) itu sesungguhnya adalah dari orang-orang yang berdusta:- Dan sumpah yang kelima (hendaklah ia berkata), bahaha kesuruaan Allah akan menimpa dirinya jika suaminya dari orang-orang yang benar."

Dalam ayat-ayat di atas Allah telah menerangkan hukum suami-suami yang menuduh isteri-isterinya bersina tanpa menyalahgunakan saksi. Ia hendaklah bersumpah dengan nama Allah sebanyak 4 kali kelima hendaklah ia bersumpah bahawa tuduhannya adalah benar dan pada kali kelima hendaklah ia bersumpah bahawa Allah akan mela'natnya sekiranya dia salah. Begitu juga isteri hendaklah bersumpah menafikan tuduhan tuduhannya sebanyak 4 kali dan kali kelima bersumpah bahawa la'nat akan menimpanya jika suaminya benar dalam tuduhannya.

Sebelum li'an dijalankan ia hendaklah dimulai dengan tuduhan bahwa isterinya bersina atau menafikan anak yang dikandung isterinya sebagai anaknya. Ia hendaklah dijalankan di hadapan dengan perintahnya. Persaksian hendaklah dijalankan secara ber-

Manakala di dalam sebuah hadis telah diriwayatkan tentang
lakukan semasa Nabi Muhammad s.a.w. 96

٣ - (وَقَنْ سَهْلُ بْنُ سَهْلٍ وَالْأَنْعُوشِيُّ الْجَلَانِيُّ أَتَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَمْ يَرْكِنْ لِكَالٍ) : بَارَسُولُ اللَّهِ لِرَأْبَتْ رَجُلًا وَجَدَ مَعَ امْرَأَةَ رَجُلًا أَبْنَفَلَهُ فَغَنَفَلَهُ ، أَمْ كَبَفَ بَنَفَلَهُ ؟ لِكَالٍ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَلَيْهِ وَمَنْهُ : قَدْ لَزَكَ نِبَكَ وَفِي سَاحِبِكَ لَا ذَهَبَ نَاتِ يَا ، وَسَهْلٌ : فَنَكَاعَنَا وَأَنَا مَعَ النَّاسِ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ .
لَكَنِّي فَرَخَاهَا قَالَ حُرُبِيرٌ : كَذَبَتْ مَلَكِيَا بَارَسُولَ اللَّهِ لِذَنْ امْسَكَتْهَا ، فَعَلَتْهَا تَبْلَى أَنْ بَلَسْرَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَلَيْهِ وَمَنْهُ ، قَالَ إِبَابٌ : فَكَانَتْ شَنَّةُ الْغَلَامِينَ ، رَوَاهُ الْبَسَاطَةُ لَا تَرْمِدِيٌّ .

Bermati: Dan dari Sahil bin Sa'ad, dia menceritakan bahwa Uwaimira Al-Ajlanî telah datang kepada Rasulullah s.a.w. lalu bertanya: "Wahai Rasulullah apa pendapat kamu jika seorang lelaki mendapati di sisi isterinya seorang lelaki. Apakah boleh dia membunuhnya atau apa yang harus dibuatnya? Rasulullah menjawab: Sesungguhnya ayat al-Qur'an telah turun kepada engkau dan isterimu, maka pergi dan bawa dia ke sini. Sahih menceritakan, maka kedua-duanya melakukan li'an dan ketika itu saya bersama-sama orang ramai di sisi Rasulullah. Setelah selesai, Uwaimira berkata: "Aku telah berbohong terhadapnya wahai Rasulullah jika aku masih memegangnya (mengahwini-nya). Dia telah menjatuhkan talaq tiga sebanyak disuruh oleh Rasulullah. Ibn Syihab mengatakan bahawa inilah sunnat orang yang berli'an (salah seorang mesti berbohong).

Diriwayatkan oleh al-Jamiat kecuali al-Tirmizi.

Di sini kita melihat bahawa penggunaan perkataan yang digunakan menunjukkan bahawa perbuatan zina adalah lebih besar dari tuduhan. Oleh itu perkataan 'kecurigaan Allah' adalah lebih berpunca bagi penafian terhadap tuduhan zina dari suami dan perkataan 'la'nat Allah' adalah bersesuaian terhadap suami yang isterinya berzina.

Dalam keadaan ini apabila sampai kepada sumpah yang keenam hendaklah memberikan peringatan kepada suami dengan berfirman ringwalah kepada Allah, "azab dunia adalah lebih ringan daripada azab akhirat, setiap sesuatu itu lebih ringan dari la'nat". Jika ingin meneruskan li'an pihak suami boleh meneruskan. Selain juga yang dilakukan kepada pihak isteri.

Jika telah perlaksanaan li'an dengan sempurna maka gugurlah had suami dan had zina dari isteri. Tetapi kesan yang paling berkesan ialah perkahwinan kedua-duanya terbatal dan diharamkan untuk hidup bersama suami isteri untuk selama-lamanya.⁸⁷

Setakat inilah perbincangan yang dapat dibuat mengenai perbincangan menurut pandangan Islam yang merangkumi definisi, dalil-dalilnya, hukum, hikmat dan jenis-jenisnya. Perbincangan awal ini sebagai landasan bagi membincangkan bab-bab seterusnya.

akaki

1. Teuku Iskandar, Kamus Dewan, (cetakan 3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1986. hal. 197.
2. Harun Din, Al-Furo'at Ba'na al-Zaujaini li-al-Mawani' al-Yar'iyyat Fiqhah wa Qadaan, Kuala Lumpur: Maktabat Watan, 1984. hal. 8.
3. 'Abd al-Din 'Atar, Abshar al-Halal, (cetakan 4), Muassasat al-Risalah, 1405h/1985m. hal. 96.
- Surat al-Talaq : 1
- Surat al-Baqarat : 229
- Surat al-Ahzab : 49
4. al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq, 'Aun al-Ma'bud Syarah Sunan Abi Daud, (cetakan 2), juz. 6, Maktabat Salafiat, 1399h/1979m. hal. 226.
- Jild. hal. 227
- Jild. hal. 226
5. Muhammad 'Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamat, Al-Mughni Ibnu Qudamat, juz. 7, Maktabat al-Riyad al-Hadithat, 1401h/1981m. hal. 96.
- Surat al-Nisa' : 34
- Surat al-Nisa' : 35
6. 'Abdul Rahman Taj, Al-Svari fi al-Islamiyyat fi-al-Ahwal al-Syakhiyyat, (cetakan kedua), 1372h/1952m. hal. 258.
7. Sayyid Sabiq, Fiqh al-Sunnat, jilid 2, Dar al-Kitab al-Islamiy, t.t. hal. 208.
8. Nur al-Din 'Atar, op.cit. hal. 43.

1. Sayyid Sabiq, op.cit. hal. 208.
2. Miftahā Ḩabdul Rahman, Hadith 40, Pulau Pinang: Maktabat Haji Abdullah bin Muhammad al-Rawī, 1966. hal. 423.
3. Muhibbūdī Mahdi İstanbūlī, Ko Arah Pembentukan Keluarga Mualim. (Terj. Prof. Nadya Osman Hj. Khalid), Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Pajar, 1988. hal. 63.
4. Ḩabdul Rahman Taj, op.cit. hal. 256.
5. Dr. Sayyid Sabiq, op.cit. hal. 208-209.
6. Dr. Dz. Agama, "Jangan Mempermudah Lafaz Talāq", Majalah Keluarga. Kuala Lumpur: Amir Enterprises Sdn. Bhd. Jun 1989. hal. 21.
7. Ahmad Syaltūt, Al-Fatāwī, Azhar: Al-Idārat al-Āmmat li-al-Thaqāfat al-Islāmiyyat, 1379h/1959m. hal. 180.
8. Sūrat al-Nisa' : 130
9. Dr. Abdullah Ḩujayl, Nizam al-Uṣrat fi-al-Islāmī, juz. 1, Maktabat al-Risālat al-Hadīthat, 1983. hal. 219.
10. Dr. Sayyid Sabiq, op.cit. hal. 206.
11. Sayyid Abi Bakr, Iḥānat al-Talibīn, juz. 4, Dar al-Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyat, hal. 2.
12. Dr. Muhammed Sayyid Sabiq, op.cit. hal. 206.
13. Ahmad bin 'Umar al-Syāfi'ī, Kitāb al-Nafī, 1369h. hal. 153-154.
14. Muhammed Syams, op.cit. hal. 263.
15. Sūrat al-Baqarāt : 229.
16. Sūrat al-Nisa' : 130.
17. Sūrat al-Aḥzab : 28.
18. Sūrat al-Talāq : 1.

- Umar ^oAbdullah, Ahkām al-Svariyat al-Islāmiyyat fi-al-Āḥwāl al-Syakhsiyat, (cetakan 4), Dar al-^{Ma}arif, 1964. hal. 375.
- Dr. ^oAbdul Rahman Taj, op.cit. hal. 274.
- Dr. Sayyid Sābiq, op.cit. hal. 212.
- Muhammad bīn ^oAli bin Muhammad al-Syawkānī, Nail al-Autār, juz. 7, (cetakan terakhir). Lebanon: Dar al-Jabal, 1973. hal. 30-32.
- Dr. ^oAbdul Rahman Taj, op.cit. hal. 277 & 273.
- Dr. Sayyid Sābiq, op.cit. hal. 234.
- Sūrat al-Talaq : 1
- Muhammad Abu Zahrat, Al-Āḥwāl al-Syakhsiyat, (cetakan 3), Dar al-Fikri al-^oArabī, 1957. hal. 309.
- Sūrat al-Ahsāb : 49
- Sūrat al-Baqarāt : 229
- Sūrat al-Baqarāt : 230
- Dr. Muhammad Sayyid Sabiq, op.cit. 225.
- Sūrat al-Baqarāt : 229
- Dr. ^oAbdul Rahman Taj, op.cit. hal. 260-261.
- Ahmad bin ^oUmar al-Syātiriy, op.cit. hal. 153.
- Dr. Sayyid Sābiq, op.cit. hal. 226.
- Muṣṭafā ^oAbdul Rahman, op.cit. hal. 374.
- Muṣṭafā ^oAbdul Rahman, op.cit. hal. 159.
- Dr. Sayyid Sābiq, op.cit. hal. 226-227.
- Sūrat al-Talaq : 1
- Abi al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq, op.cit. hal. 228.

- Dr. Harun Din, Fasikh al-Nikāh wa-al-Qadā'ah al-Muta'alliqat Bihi, Kuala Lumpur: Maktabat Watan, 1984. hal. 14.
- Muhammad bin Qudāmat, op.cit. hal. 67.
- Umar 'Abdullah, op.cit. hal. 477-479.
- 'Abdullah 'Uqāt, op. cit. hal. 199.
- Umar 'Abdullah, op.cit. hal. 486-500.
- Aḥmad bin 'Umar al-Syātirīy, op.cit. hal. 157.
- Umar 'Abdullah, op.cit. hal. 452-457.
- Aḥmad bin 'Umar al-Syātirīy, op.cit. hal. 151-153.
- Muhammad al-Syarbīnī al-Khatīb, Al-Iqna', juz. 2. Beirut: Dar al-Fikri, hal. 146.
- Sayyid Muhammad Dāwūd Fatawīy, Matla' al-Badrain, Pulau Pinang: Salaiman Press, hal. 159.
- Kitāb al-Nisā' : 4
- Kitāb al-Baqarāt : 229
- Aḥmad bin 'Umar al-Syātirīy, Nail al-Autar, juz. 6, (cetakan akhir). Mesir: Maktabat Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, t.t. hal. 276.
- Hanafī H. Idris Ahmad, Fiqh Menurut Mazhab Syaf'i, Jakarta: Penerbit Widjaya, 1969. hal. 242.
- Aḥmad bin 'Umar al-Syātirīy, op.cit. hal. 100.
- Muhammad Syaltūt, op.cit. hal. 272.
- Hanafī H. Idris Ahmad, op.cit. hal. 242.
- Kitāb al-Mujādalat : 2.
- Kitāb al-Mujādalat : 3
- Umar 'Abdullah, op.cit. hal. 229-237.
- Aḥmad bin 'Umar al-Syātirīy, op.cit. hal. 159.

- Muhammad al-Syurbini al-Khatib, op.cit. hal. 160-161.
- Sūrat al-Baqarāt : 226
- Sūrat al-Baqarāt : 227
- Muhammad Sayyid Rida, Huquq al-Nisa' fi-al-Islām, Beirut: Al-Maktab al-Islāmiyy, 1404h. hal. 168.
- Ahmad bin 'Umar al-Syātirī, op.cit. hal. 160.
- 'Umar 'Abdullah, op.cit. 239.
- Muhammad Idris 'Abdul Rauf Al-Marbawiy, Qamus al-Marbawi, Juz. 2, (cetakan 4). Singapura: Pustaka Nasional, hal. 220.
- Sayyid Sabiq, Fiqh al-Sunnat, (cetakan 2), Dar al-Kitab al-Arabiyy, hal. 126.
- Dr. 'Abdul Rahman Taj, op.cit. hal. 361-362.
- Sūrat al-Nur : 6-9
- Muhammad bin 'Ali al-Syawkāniyy, op.cit. hal. 300.
- Ahmad bin 'Umar al-Syātirī, op.cit. hal. 163-165.